



19 MAY, 2026

## TVET Tahfiz antara laluan lanjut pengajian

Berita Harian, Malaysia



# TVET Tahfiz antara laluan lanjut pengajian

**Kuala Lumpur:** Program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) Tahfiz menjadi antara laluan untuk pelajar tahfiz swasta yang tidak menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) menyambung pengajian, sama ada di universiti awam (UA) atau institusi pengajian tinggi swasta (IPTS).

Presiden Gabungan Persatuan Institusi Tahfiz al-Quran Kebangsaan (PINTA), Mohd Zahid Mahmood, berkata program TVET Tahfiz ketika ini menyasarkan lepasan tahfiz berusia 16 hingga 18 tahun.

Katanya, ia tidak hanya memfokuskan kepada lepasan tahfiz berjaya menamatkan hafalan 30 juzuk al-Quran tetapi pelajar tahfiz tercicir.

"Bukan semua pelajar tahfiz ini boleh jadi hafiz al-Quran. Jadi TVET Tahfiz antara program disediakan kerajaan untuk bantu mereka yang dalam kes tertentu tak mampu habiskan pengajian, mungkin hanya mampu hafal lima juzuk al-Quran.

"Jadi kita tak mahu mereka keluar dari tahfiz dan ambil laluan sendiri misalnya bekerja sebagai penghantar makanan, kemudian mulalah merokok, terjebak dengan pergaulan bebas dan sebagainya.

"Jadi, TVET Tahfiz ini antaranya ditawarkan di bawah Jabatan

Pembangunan Kemahiran (JPK), sebuah agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia, yang mana seawal umur 16 tahun, pelajar tahfiz ini boleh ambil Sijil Kemahiran Malaysia (SKM)," katanya kepada *BH*.

Mengulas lanjut, Mohd Zahid, berkata bagi pelajar yang menamatkan peringkat SKM Tahap Satu hingga SKM Tahap Tiga, ia sama taraf dengan SPM manakala mereka yang menamatkan SKM Tahap Empat dan Lima, ia bertaraf diploma.

"Realitinya, ada pelajar yang berhenti sekolah tahfiz dan kemudian malu atau tak mahu sambung pengajian di sekolah menengah kerajaan kerana sudah ketinggalan dalam akademik berbanding rakan lain.

"Jadi, TVET Tahfiz inilah sa-

tu-satunya pilihan yang ada. Maknanya, pada usia 18 tahun, lepasan tahfiz ini sudah genggam segulung diploma dan tak perlu pun ambil SPM. Ini antara pendekatan kerajaan cukup baik kerana tak mahu pelajar tahfiz tercicir seawal usia muda.

"Malah, ada universiti menerima pelajar dengan sijil SKIM (tanpa SPM) untuk sambung pengajian peringkat ijazah, contohnya di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Jalan Semarak dan Universiti Tenaga Nasional (UNITEN)," katanya.

Mohd Zahid berkata, tahfiz kendaliannya, Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah menjalin kerjasama dengan institusi swasta, Kolej Meritus bagi mengikuti program berkaitan kemahiran.

"Jadi pelajar ini masih teruskan

hafazan al-Quran dan pihak pengurusan tahfiz akan menghantar lima pelajar kami yang ikuti TVET Tahfiz di kolej secara harian, maknanya mereka berulang alik dan masih tinggal di madrasah tahfiz di Keramat.

"Maknanya Kolej Meritus sebagai rakan strategik kami dan pihak tahfiz yang uruskan semua termasuk pendaftaran, permohonan untuk pinjaman bagi pembiayaan sepanjang pengajian dan urusan lain," katanya.

*BH* kelmarin melaporkan hampir 700,000 murid dalam aliran agama berada di luar sistem Kementerian Pendidikan dengan kira-kira 50,000 daripadanya mengikuti pengajian di sekolah tahfiz swasta diasaskan orang persendirian atau pertubuhan bukan kerajaan.

Perkara itu dimaklumkan Pengerusi Jawatankuasa Penyelarasan Pendidikan Islam Kebangsaan, Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam (MKI), Tan Sri Alimuddin Mohd Dom.

Justeru, katanya, langkah kerajaan membuka laluan kepada murid lulusan institusi tahfiz mengikuti program tertentu di IPTA, dengan syarat menduduki dan wajib mendapat kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu dan lulus Sejarah membuka peluang dan memudahkan lebih ramai golongan itu untuk melanjutkan pengajian di IPTA.

“TVET Tahfiz inilah satu-satunya pilihan yang ada. Maknanya, pada usia 18 tahun, lepasan tahfiz ini sudah genggam segulung diploma dan tak perlu pun ambil SPM”

**Mohd Zahid Mahmood,**  
Presiden Gabungan Persatuan  
Institusi Tahfiz al-Quran Kebangsaan

